

PERCUMA



buletin Mutiara



1 – 15 April 2012

<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

PTSR bukti Pakatan giat bantu peniaga kecil

Oleh : ZULIANA AZIZ

Gambar : MOHD. HAFIZ TAJUDIN

GEORGE TOWN – Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang diwujudkan sejak pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (2009) di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah bertujuan menawarkan sistem pelaburan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan penjaja serta peniaga-peniaga kecil di negeri ini.

Menurut rekod, sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2009 hingga kini, jumlah keseluruhan peminjam PTSR adalah seramai 673 orang, yang mana 400 orang merupakan peminjam lama dan 273 adalah peminjam baru. Pada peringkat permulaan, jumlah maksimum pinjaman yang diberikan adalah sebanyak RM5,000 dengan syarat bayaran selama 12 bulan. Bagi pinjaman kedua, jumlah pinjaman maksimum adalah RM8,000, 24 bulan.

Menurut Iskandar Basha Abdul Kadir selaku Ketua Pegawai Operasi PTSR, skim pinjaman tersebut disasarkan kepada golongan memerlukan termasuk penerima sumbangan Pusat Urus Zakat (PUZ) dan keluarga yang tergolong dalam program kebajikan masyarakat, golongan kelainan upaya (OKU), ibu tunggal, jumlah pendapatan per kapita bulanan seisi keluarga tidak melebihi RM400 sebulan serta golongan penjaja dan peniaga kecil yang memiliki premis perniagaan di Pulau Pinang.

“Dana tersebut diberikan untuk menampung apa yang telah dimulakan, bukannya baru nak mula. Maksudnya, usahawan yang sudah mempunyai premis perniagaan sahaja yang layak untuk memohon,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambahnya, sebelum pinjaman disalurkan, PDC akan menghantar pegawai-pegawai yang terlibat ke lokasi-lokasi tertentu bagi memantau perkembangan pemohon pada pelbagai aspek seperti perniagaan yang dijalankan, tahap kebersihan dan sebagainya.

“Pihak kami sentiasa membuka peluang kepada usahawan kecil untuk datang mengemukakan permohonan dan dari situ kami sedaya upaya cuba membantu menambah dana sedia ada.

“Dana permulaan yang diperuntukkan adalah sebanyak RM3 juta, iaitu RM1.5 juta daripada PDC dan selebihnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Pada tahun ini (2012), jumlah dana telah ditambah kepada RM4.5 juta ekoran sambutan yang menggalakkan,” jelasnya.



CHOW Kon Yeow (depan, tengah) sambil diapit oleh Patahiyah Ismail (depan, dua dari kiri) dan Maimunah Mohd. Sharif (depan, dua dari kanan) berserta Setiausaha Majlis masing-masing menunjukkan sijil penghargaan anugerah empat bintang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diterima kedua-dua PBT berkenaan baru-baru ini.

Ikuti temubual peminjam-peminjam PTSR bersama Buletin Mutiara :

Amlan Zaki, 34, Perniagaan sarung kaki, Logic Seven Enterprise.

Menurut Amlan, skim pinjaman PTSR sangat membantu para usahawan kecil mengembangkan perniagaan dengan skim pinjaman mudah yang ditawarkan.

“Disebabkan adanya PTSR, perniagaan saya semakin berkembang maju. Pinjaman yang terbaru iaitu pada pertengahan tahun 2011 adalah pinjaman saya yang kedua bersama PDC di bawah program ini.

“Jumlah maksimum yang diluluskan oleh PDC ialah sebanyak RM5,000, namun, ia bergantung kepada ‘kekuatan’ dokumen yang disertakan semasa membuat permohonan. Bagi peminjam kali kedua, rekod pembayaran terdahulu menjadi



AMLAN Zaki.

faktor penting dan dititikberatkan oleh pihak PDC sebelum meluluskan permohonan,” tambah beliau lagi.

Tambah Amlan, pengalamannya selama tujuh tahun dalam bidang perniagaan sedikit sebanyak memberi motivasi kepada beliau supaya mengamalkan budaya menabung bagi persediaan awal menghadapi risiko di masa hadapan.

“Bagi saya, RM5,000 yang diperoleh adalah tidak mencukupi. Saya sewa kedai di pesta pun dah RM5,000. Belum masuk kos untuk beli barang-barang lagi. Tapi, saya bersyukur sebab diberi peluang untuk membuat pinjaman dengan pihak PDC. Duit tu boleh la guna untuk ‘rolling’ modal,” ujar beliau lagi.

• Lihat muka surat 6

Takziah atas pemergian Allahyarham Bakhtiar



BANI Amin Djaafar (tiga dari kiri) menerima sumbangan daripada Ketua Menteri sambil ditemani anak lelakinya (dua dari kiri). Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (kiri sekali) dan Pengurus Jawatankuasa Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh (empat dari kiri).

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri menzhahirkan rasa takziah ke atas pemergian Ahli Majlis, Majlis

Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bakhtiar Appandi Yahya, 56, yang maut selepas dirempuh sebuah lori membawa kiub ais berhampiran kediaman Allahyarham di Taman Desa

Sena, Tasek Gelugor pada 30 Mac lalu di sini.

“Takziah kepada keluarga Allahyarham Bakhtiar (Bakhtiar Appandi), yang telah kembali ke rahmatullah.

“Allahyarham telah dua

tahun bertugas sebagai Ahli Majlis MPSP dan jasa beliau (sebagai ahli majlis) sangat banyak,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan sumbangan khas RM10,000

kepada keluarga Allahyarham di sini baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan kepada balu Allahyarham yang ditemani anak lelakinya di Pejabat Ketua Menteri di sini.

Pada hari kejadian, Allahyarham Bakhtiar Appandi maut di tempat kejadian ketika dalam perjalanan pulang ke rumah selepas bertemu dengan beberapa peniaga di Pejabat MPSP, Bandar Perda.

Beliau meninggalkan seorang balu, Bani Amin Djaafar, 51 dan dua orang cahaya mata, Mohd. Firdaus al-Amin, 29, dan Siti Khausar al-Amin, 25.

Balu Allahyarham yang masih dalam keadaan terkejut dan pilu dengan pemergian Allahyarham tidak ingin ditemuramah.

Jenazah beliau selamat disemadikan di Tanah Perkuburan Islam berhampiran Masjid Kampung Bonggol di sini.

Oleh: **SAM**

SINDIR MUTIARA



Bayan Mutiara : UMNO dinasihat adil dengan Islam, bukan Islam – Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menasihatkan UMNO supaya bersikap adil dalam kontroversi penjualan tanah Bayan Mutiara yang hakikatnya membabitkan umat Islam dan pengikut agama-agama lain.

Justeru, beliau turut menasihatkan pemimpin-pemimpin parti perkauman itu supaya tidak lagi memainkan sentimen perkauman rasis dengan menuduh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kononnya ‘melenyapkan’ tanah masjid demi mengelirukan orang Islam di negeri berkenaan.

“Kenapakah UMNO tidak menggembar-gemburkan ‘kehilangan’ tanah untuk tempat-tempat beribadat bukan Islam, tetapi hanya menekankan (kehilangan) tanah masjid?

“Apakah rakyat bukan Islam tidak penting buat UMNO,” ujarnya di dalam satu kenyataan dikeluarkan di sini baru-

baru ini.

Kata Guan Eng, beliau akan memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan keadilan hak kepada seluruh rakyat di negeri berkenaan tanpa mengira kaum, agama dan ideologi politik.

Maka, beliau berasa yakin bahawa rancangan pihak pembangkang menabur pelbagai fitnah bagi memburukkan imejnya serta Kerajaan Negeri tidak mungkin berjaya.

Lanjutan itu, beliau turut menasihatkan Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang, Shaik Hussein Mydin supaya berhenti melakukan fitnah.

Isu tanah Bayan Mutiara mula menjadi kontroversi apabila Kerajaan Negeri bersetuju menjual 102.6 ekar tanah, termasuk tambakan laut kepada *Ivory Property Group Berhad* (*Ivory*) selepas tender terbuka dilaksanakan.

Ivory dipilih kerana menawarkan harga belian paling tinggi, iaitu RM224 sekaki persegi atau RM1.07 juta.

RM500 juta dari hasil penjualan tanah itu diperuntukan oleh Kerajaan Negeri bagi membina 11,800 rumah mampu milik berkualiti di Batu Kawan, Seberang Perai Tengah di sini.

Bagaimanapun, isu Kerajaan Negeri didakwa menjual tapak masjid kemudiannya seakan diada-adakan selepas beberapa pemimpin UMNO gagal mengenepikan rekod ketelusan tender terbuka yang diamalkan oleh pentadbiran Guan Eng berhubung isu penjualan tanah Bayan Mutiara.

Pemimpin UMNO berkenaan adalah Pengurus Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman dan Datuk Abdul Rahman Dahlam (Ahli Parlimen Kota Belud).

Guan Eng akhirnya dicabar berdebat oleh Shaik Hussein tetapi beliau memilih untuk mengfailkan saman fitnah ke atas Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang itu, akhbar Utusan Malaysia dan akhbar Berita Harian.

Tidak cukup dengan itu, Guan Eng

turut mempersoal kegagalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang era Barisan Nasional UMNO membuat pecahan lot tanah masjid ketika pelan pembangunan fasa I diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada tahun 2006, lalu digazetkan sebagai tanah wakaf masjid di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).

Beliau menegaskan bahawa semua pemaju wajib memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh MPPP seperti membina masjid serta kemudahan-kemudahan lain sungguhpun tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) itu sudah berpindah tangan ke *Ivory*.

“*Ivory* masih belum menyerahkan pelan baru kepada MPPP, di mana setiap projek diwajibkan memperuntukan tanah untuk kemudahan-kemudahan awam seperti masjid, jalan, taman, perumahan kos sederhana rendah, sekolah dan tempat-tempat beribadat bukan Islam,” ujarnya.

“UMNO yang melenyapkan tanah masjid” – KMPP

GEORGE TOWN – Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang, Ir. Shaik Hussein Mydin dinasihat supaya jangan terlalu sompong dalam mencari kebenaran berhubung kontroversi penjualan tanah Bayan Mutiara yang kononnya ‘mengorbankan’ tapak masjid.

Presiden Kongres Melayu Pulau Pinang (KMPP), Rahmad Isahak sambil mencabar Shaik Hussein untuk berdebat secara terbuka, turut berpendapat bahawa kaedah perdebatan merupakan jalan terbaik untuk mencari kebenaran berhubung isu tanah terbabit.

“Saya ingin menasihat bahawa UMNO langsung tiada kuasa eksekutif di (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang.

“Jangan berlagak sompong, anda (UMNO) bukan kerajaan lagi. Anda pembangkang.

“Sahutlah cabaran debat secara terbuka oleh NGO Melayu sekerdil kami (KMPP) bagi merungkai kebenaran sebenar... kalau mungkin takut nak ditelanjangkan oleh PAS (Dr. Mujahid),” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Rahmad berkata, langkah Shaik Hussein (kanan) menjadikan isu “tiada kuasa” untuk mengelak perdebatan dengan beliau dan Dr. Mujahid Yusof Rawa (Ahli Jawatankuasa PAS Pusat)



RAHMAD Isahak.

menyerlahkan sikap tidak profesional ketua pemuda itu sahaja.

“Beliau (Shaik Hussein) seorang

jurutera, sepatutnya tahu bahawa kelulusan pelan perancangan pada 30 Jun 2006 itu bukanlah bermakna

pembangunan boleh dijalankan, tapi, sebaliknya hanya pelan perancangan yang dirancang.

“Adakah pelan pecah sempadan diluluskan oleh Kerajaan Negeri (era UMNO Barisan Nasional) ditandatangani?

“Sebab itu, sehingga saat ini, KMPP sanggup mengatakan bahawa UMNO lah yang melenyapkan tanah tersebut,” beliau menambah.

Sidang akhbar itu turut dihadiri Setiausaha Agung KMPP, Mohd. Noor Mohd Abdul Kader dan Mohd. Faizal Kader (Bendahari).

Semalam, pendiri KMPP itu mendedahkan para pemimpin UMNO dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang era lepas sepatutnya awal-awal lagi memecahkan lot tanah itu sejurus fasa 1 projek tersebut diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada tahun 2006.

Namun, UMNO tidak menggazetkan tanah berkenaan dalam tempoh satu tahun lima bulan sebelum mandat Kerajaan Negeri berpindah tangan kepada Pakatan Rakyat sejak Mac 2008.

Mengapa pemimpin UMNO ketika itu tidak memastikan tanah lot itu dipecah lalu diserahkan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), tanya Rahmad.

RUMAH MAMPU MILIK IDAMAN PALING BERKUALITI DI MALAYSIA

oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Berjiwa Rakyat

lakaran artis

(Projek Perumahan Mampu Milik
Bandar Cassia, Batu Kawan)

- **RM500 juta** untuk Tabung Rumah Mampu Milik di Seberang Perai & P.Pinang, peruntukan terbesar antara negeri di Malaysia.
- PDC agensi pelaksana dengan kualiti dan reka bentuk bertaraf antarabangsa.
- Kemudahan: dewan, astaka, padang bola sepak, CCTV, kad pintar dan banyak lagi!
- 11,800 unit akan dibina dengan harga RM72,500 (800 kaki persegi) - RM220,000 (1,000 kaki persegi).

11,596 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah telah dibina Kerajaan Negeri PR menerusi PDC sejak 2008.



RTD SPU & SPT 2020 bakal dilaksana sebagaimana diwartakan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2020 (RTD SPU) dan Daerah Seberang Perai Tengah 2020 (RTD SPT) yang memberi tumpuan kepada perancangan dan pembangunan di kedua-dua daerah tersebut telah dilancarkan bagi memastikan misi Pulau Pinang untuk muncul sebagai bandaraya mapan terlaksana menjelang 2020 di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif berkata, Draf Rancangan Tempatan yang melibatkan dua daerah berkenaan adalah bagi memberi fokus kepada rancangan pembangunan tempatan yang lebih spesifik dan menyeluruh di dalam kawasan pentadbiran MPSP untuk tempoh sehingga tahun 2020.

Dalam pada itu, jelas beliau, sebelum mewartakan cadangan dikemukakan, penyertaan awam bermula 15 Mac hingga 12 April lalu seperitima termaktub di dalam Akta Perancangan Bandar

dan Desa 1976 telahpun dijalankan.

“Proses tersebut adalah untuk orang awam mengemukakan cadangan, ulasan ataupun maklum balas yang akan diambil kira sebelum mewarta dan memuktamadkan Draf Rancangan Tempatan. Dalam pada itu, maklum balas tersebut akan digunakan oleh pasukan kajian yang terdiri daripada pasukan petugas Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dan kepakaran pihak perunding yang telah dilantik untuk proses seterusnya,” katanya pada Majlis Pelancaran RTD SPU dan RTD SPT 2020 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, RTD SPU 2020 telah bermula pada 1 April 2005, manakala, RTD SPT 2020 yang bermula pada 1 Februari 2006 adalah dilaksanakan melalui pembiayaan daripada peruntukan Tabung Amanah dengan jumlah keseluruhan peruntukan kajian sebanyak RM648,093.09.

“Hala tuju bagi kedua-dua Rancangan Tempatan ini adalah




MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sekali) memberi penjelasan mengenai cadangan projek pembangunan yang bakal dilaksanakan di SPU dan SPT kepada Ketua Menteri pada Majlis Pelancaran RTD SPU dan RTD SPT 2020 di sini baru-baru ini.

untuk memastikan segala perancangan dan pembangunan di daerah SPU dan SPT adalah tersusun, teratur serta membangun sebagaimana yang telah digariskan dalam polisi, inisiatif dan program-program dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

“Apabila Rancangan Tempatan ini disempurnakan dan diwartakan kelak, maka, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan pembangunan yang hendak dijalankan di kedua-dua daerah ini perlu mematuhi garis panduan perancangan yang

telah disediakan,” jelas beliau. Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang, Zainuddin Ahamed.



LAKARAN RTD SPT 2020.

Ringkasan RTD SPU 2020 :

- Merangkumi kawasan seluas 26,740.90 hektar (267.409 kilometer persegi).
- Dibahagikan kepada 15 mukim dan 4 seksyen.
- Tumpuan pembangunan melibatkan kawasan Butterworth, Kepala Batas-Bertam dan Tasek Gelugor.
- Bangunkan sebagai bandar selamat, mapan, ekonomi berdaya saing yang dilengkapi prasarana moden.
- Projek dikenalpasti antaranya, cadangan perumahan di Butterworth (Chain Ferry, Mak Mandin, Raja Uda, Bagan Lalang, Bagan Ajam dan Bagan Dalam), cadangan Light Mass Transit (LMT) dan Undersea Tunnel sepanjang 6.5 kilometer yang akan menghubungkan Butterworth dan George Town.
- Cadangan guna tanah keseluruhan bagi kawasan pertanian adalah seluas 12,557.74 hektar (46.96%), kediaman 6,086.97 hektar (22.76%), perumahan terancang (14.64%) dan perkampungan (8.13%).
- Bagi pengangkutan, kawasan seluas 2,023.75 hektar (7.57%) telah dicadangkan bagi pembangunan jalan raya, lebuhraya, rizab landasan keretapi dan pelabuhan

Ringkasan RTD SPT 2020 :

- Merangkumi kawasan seluas 23,798 hektar (237.98 kilometer persegi) telah dibahagikan kepada 21 mukim dan 6 seksyen.
- Kawasan yang terlibat adalah Seberang Jaya-Permatang Pauh, Bukit Mertajam-Juru dan Bukit Minyak-Machang Bubuk.
- Dibangunkan menjadi sebuah pusat pembangunan sektor perindustrian dan perkhidmatan bagi menyokong peranan George Town sebagai pusat pertumbuhan wilayah, konurbasi George Town dan pembangunan Butterworth-Perai sebagai ‘Port City’.
- Antara projek utama adalah seperti cadangan Zon Industri Kampung Bagan Serai ; cadangan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Perindustrian di kawasan Perindustrian Bukit Minyak ; cadangan Taman Agro Teknologi di Juru ; cadangan kawasan Perindustrian Penanti dan Program Enap Desa Perkampungan Kampung Semang, Mengkuang Titi dan Perkampungan Juru.
- Guna tanah utama sektor pertanian iaitu seluas 8,567.28 hektar (36.0%) dari keluasan keseluruhan daerah SPT diikuti dengan kediaman 3,457.85 hektar (14.53%).

Hanya Kerajaan Negeri PR mampu bela nasib rakyat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BUKIT GEDUNG – Ahli Parlimen Permatang Pauh yang juga merangkap Ketua Pembangkang Negara, Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sahaja (PR) yang mampu membela nasib rakyat terutama dalam soal kebijakan dan hak rakyat.

“Sebagai contoh, kita ambil Ketua Menteri Pulau Pinang. Sejak Guan Eng (Lim Guan Eng) menerajui Pulau Pinang, macam-macam dia lakukan”.

“Ketegasan dia (Guan Eng). Pintar dia. Jaga rakyat. Jaga ekonomi. Daripada defisit jadi surplus (untung). Tak menterkedarah (memeras) duit rakyat. Kalau dia (Guan Eng) pandai, baik, kita

sokongla,” katanya sambil menyatakan bahawa Ketua Menteri yang juga Setiausaha Agung DAP akan terus menerajui negeri Pulau Pinang sekiranya PR mengekalkan kemenangan selepas Pilihanraya Umum Ke-13 (PRU13) kelak.

Anwar menyatakan demikian di hadapan kira 600 rakyat Pulau Pinang yang hadir pada program Kembara Tawan 416: DSAI Bersama Rakyat, di perkarangan Tapak Penjaja Sementara Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru agar rakyat menolak sebarang isu politik perkauman yang dimainkan pihak lawan dengan niat untuk menjatuhkan reputasi dan kredibiliti kepimpinan negeri.

“Bukan sebab kaum. It's about justice. Good governance.

Conscious”. (Ia adalah tentang keadilan. Urus tadbir yang baik. Kesedaran),” ujar beliau yang turut memuji kepimpinan Tan Sri Wong Pow Nee yang mana telah banyak membantu dalam memastikan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Pada masa sama, beliau turut menggesa para penyokong PR dan rakyat untuk memberi kerjasama dan sokongan kepada pimpinan PR Pulau Pinang dan bakal-bakal calon yang akan bertanding untuk PRU13 akan datang.

Hadir sama Penggerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Kassim; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Ahli DUN Batu Uban, S. Raveentharan dan ahli-ahli Jawatankuasa AMK Pulau Pinang.



ANWAR Ibrahim (berdiri, memegang mikrofon) ketika memberi taklimat bersempena program Kembara Tawan 416: DSAI Bersama Rakyat di perkarangan Tapak Penjaja Sementara Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

“Pinjaman tu boleh buat modal pusingan”

• Dari muka surat 1.

Pemilik kedai dobi di Bukit Gedung, Salmah Hashim, 53.

Menurut Salmah, pinjaman yang diberikan itu dapat membantu mengurangkan beban terutama bagi yang baru untuk menjalankan perniagaan.

“Pinjaman tu boleh buat modal pusingan makcik la. Kali pertama makcik dapat pinjaman adalah pada tahun 2009. Kali ni adalah pinjaman kedua makcik yang telah diluluskan,” ujarnya.

Menurut Salmah, beliau berjaya memperoleh pinjaman berjumlah RM 5,000 untuk kedua-dua permohonannya daripada PDC.

“Terima kasih banyak la pada pihak PDC yang meluluskan permohonan makcik,” tambah Salmah.



ROSNEE Othman.

Pemilik gerai Habuna II Bihun Sup, Rosnee Othman, 47.

Menurut Rosnee, pinjaman yang diperoleh berjumlah RM5,000 untuk kali kedua digunakan untuk membeli perkakasan bermula seperti payung, meja dan sebagainya.

“Ni pinjaman kali kedua. Mula-mula saya dapat RM1,100 sahaja pada tahun 2010. Boleh la tampung sikit perbelanjaan untuk perniagaan saya.

“Sebelum ni, saya memang gunakan modal sendiri. Saya dapat tahu mengenai pinjaman ni daripada seorang kawan. Saya ambil borang dan terus hantar untuk diproses. Selepas dua bulan, pinjaman saya diluluskan,” katanya ketika ditemui di Pasar Malam Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Beliau yang ditemui bersama isterinya turut berkata, pengalamannya selama lebih 20 tahun dalam bidang perniagaan banyak menuntut sifat sabar dan berusaha dengan bersungguh-sungguh.

“Biasa la. Berniaga sendiri ni macam-macam ragam. Kena ambil kira cuti tahunan, hujan panas. Kalau musim hujan susah la sikit nak cari makan,” tambah Rosnee.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri yang kini masih dalam proses pembinaan dijangka siap sepenuhnya menjelang 1 Oktober 2014.

Menurut Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri, Ahmad Latif Abdul Hamid, penyerahan tapak pembinaan dilakukan pada 5 Januari lalu dan akan mengambil masa 143 minggu untuk siap sepenuhnya.

“Sehingga kini, projek ini telah 4% siap dan segalanya adalah mengikut jadual.

“Bagi kerja-kerja pembinaan, projek ini menggunakan teknik ‘Industrialized Building System’ (IBS) di mana kerja-kerja yang dilakukan adalah dalam skala terkawal bagi memastikan persekitaran kawasan pembinaan tidak terjejas,” ujar beliau dalam taklimat ringkas sempena lawatan tapak oleh Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, turut berpuas hati dengan proses pembinaan projek tersebut yang menelan belanja hampir RM33 juta (kos kontrak asal).

“Sejumlah 3.49 ekar tanah telah diperuntukkan bagi Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri ini. Walau bagaimanapun, pembinaan hanya melibatkan kluasan 2.93 ekar.

“Nilai tanah adalah RM36.5 juta, tetapi, ia merupakan taksiran awal pada 2010. Kini, nilai tanah telah meningkat sekali ganda,” ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua Negeri,



AHMAD Latif Abdul Hamid (hadapan, kiri sekali) menerangkan secara ringkas kemajuan projek pembinaan Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri kepada Ketua Menteri sambil diperhatikan Farizan Darus (hadapan, dua dari kiri), Abdul Malik Abul Kassim (hadapan, dua dari kanan) dan Lim Hock Seng (hadapan, kanan sekali) di sini baru-baru ini.

Tuan Yang Terutama Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal

Agama, Abdul Malik Abul Kassim kerana telah berjaya memperoleh peruntukan daripada Kerajaan Pusat bernilai RM36 juta untuk tujuan

berkenaan.

Kata Guan Eng, Kerajaan Negeri sentiasa komited dan peka dengan keperluan rakyatnya terutama hal-hal yang

Halal Penang diiktiraf Halal Serbia

GEORGE TOWN – “Ini merupakan kali pertama saya dan delegasi hadir ke Pulau Pinang. Memang menakjubkan. Permandangan di Republik Serbia sama sekali berbeza,” ujar Ketua Pengawai Eksekutif, *The Islamic Community of Serbia* (Halal Serbia), Mustafa Jusufspahic yang hadir ke sidang media khas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara *Penang International Halal Hub Development Sdn. Bhd.* (Halal Penang) dan Halal Serbia di sini baru-baru ini.

Menurut Mustafa lagi, beliau melihat potensi untuk memasarkan produk dan perkhidmatan serta menjalinkan kerjasama dengan Pulau Pinang

semasa menghadiri *Malaysian International Halal Showcase* (MIHAS) 2012 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Malah, beliau yang bersedia untuk menjalankan kerjasama yang lebih erat terutama dalam penghasilan produk halal cukup mengagumi Pulau Pinang dalam pembangunan modal insan, pembangunan industri halal dan juga perkembangan pendidikan di sini.

“Di Serbia, menjelang tahun 2005, lebih daripada 100 buah syarikat telah mendapat pensijilan halal dan Halal Serbia juga bertindak sebagai salah sebuah badan yang mempunyai pengalaman selama 35 tahun dalam pengeluaran sijil halal di Serbia.

“Kami juga amat berbesar hati untuk menjemput Halal Penang untuk menyertai *Agriculture Fair 2013* di Serbia bagi membuka ruang bagi syarikat-syarikat halal di Serbia mempromosikan produk mereka di sini,” ujar Mustafa lagi.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan, Abdul Malik Abul Kassim turut menjemput Halal Serbia untuk menyertai *Penang International Halal Expo and Conferences* (PIHEC) yang ke-4 pada 18 Januari 2013.

“Kita (Halal Penang) bukan sahaja menjadi ajen dalam mempromosikan industri halal di



ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada Mustafa Jusufspahic (tiga dari kiri) sambil ditemani delegasi-delagasi selepas selesainya Majlis Menandatangani Perjanjian MoU Antara Halal Penang dan Halal Serbia di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang, malah, turut membantu Kerajaan Negeri dalam pembangunan industri halal.

“Perjanjian pada hari ini merupakan perjanjian bersama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Republik Serbia dan Kesatuan Eropah. Tidak terhad untuk perdagangan dan pelaburan, malah, turut

melibatkan pendidikan dan pelancongan,” jelas Abdul Malik.

Hadir sama dalam sidang media tersebut, Pengarah Giljeva, Hrnjak Fuad iaitu salah sebuah syarikat yang terlibat dengan pembekalan daging mentah; Pengarah *Mont Focus (M) Sdn. Bhd.*, Mekic Dzevad dan Presiden *Pester Food Association*, Dustinac Behdzida.

Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri siap 2014

berkaitan agama. Malah, beliau turut menegaskan bahawa walaupun terdapat sesetengah pihak yang sengaja memutarbelitkan fakta, namun, hakikatnya masih tidak dapat diubah.

Ketua Menteri yang ditemani Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; Timbalan beliau, Datuk Mansor Othman; Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Utiliti, Lim Hock Seng; Abdul Malik; Ketua Hakim Syarie Negeri, Datuk Yusof Musa dan wakil perunding projek turut meninjau persekitaran tapak pembinaan tersebut.

Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri bakal mempunyai tujuh aras yang terdiri daripada ruang lobi, dewan serbaguna, surau, balai polis, kafeteria, dewan bicara dan pusat penjagaan kanak-kanak. Malah, kompleks tersebut juga mempunyai kelengkapan yang mesra OKU (golongan kelainan upaya).

Realisasikan Program Keceriaan Bandar

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Program Keceriaan Bandar mampu direalisasikan di Pulau Pinang sekiranya pembudayaan menjaga alam sekitar ini menerima partisipasi rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas, Chow Kon Yeow berkata demikian pada majlis pelancaran kempen tersebut di sini baru-baru ini.

“Pembudayaan menjaga alam sekitar serta mengurangkan penggunaan bag plastik oleh setiap rakyat boleh menjayakan kempen ini untuk warisan generasi akan datang,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada dua syarikat korporat yang turut hadir bagi menyempurnakan tanggung-jawab sosial korporat (CSR) masing-masing.

Lebih 1,800 pasu plastik disumbang oleh Syarikat Guppy Sdn. Bhd. pada majlis berkenaan.

Itu, tidak termasuk 1,000 beg baja yang disumbangkan oleh sebuah syarikat korporat lain. Kira-kira 50 peniaga setempat hadir bagi menerima sumbangan pasu bunga hiasan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk diletakkan di kaki lima kedai masing-masing.



CHOW Kon Yeow (kiri sekali), Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud (tiga dari kanan) dan Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee (dua dari kanan) menunjukkan tanda bagus pada Program Keceriaan Bandar di sini baru-baru ini.

YOUTH CREATIVE
Make The Difference

Disokong
 Dianjurkan
GBBM PENANG
Anjuran Bersama
 韩江学院 HAN CHIANG COLLEGE


Youth Creative Public Service Awareness (PSA) Short Film Contest 2012

Youth can make a difference

**Pertandingan Terbuka :
1/3/2012 to 24/5/2012**

**Filem pendek yang bermakna diperlukan!
Anda berpeluang untuk memenangi hadiah lumayan bernilai RM24,000. Filem pendek yang terpilih akan dijadikan sebagai filem rasmi PSA kerajaan Pulau Pinang.**

Anda tunggu apa lagi?
www.youthcreative.com.my or www.facebook.com/youthcreative2012
atau hubungi : Alfred Kuan 012-4295505 or youthcreative2012@gmail.com

Kami berbangga menjemput



En.Ho Yuhang



En..Bront Palarae



Cik. Sharifah Amani sebagai panel juri kami.



Jadikan masjid pusat kecemerlangan Ummah – Mansor

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAYAN LEPAS – Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman baru-baru ini menyeru seluruh kepemimpinan masjid di negeri berkenaan supaya merealisasikan fungsi masjid sebagai pusat kecemerlangan ummah sebagaimana di Singapura.

Seruan itu disuarakan beliau ketika menyampaikan ucapan perasmian majlis Multaqa Pemimpin Masjid 2012 yang dianjurkan oleh Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) di sini baru-baru ini.

“Walaupun masyarakat minoriti Islam di Singapura (kira-kira) 1.5 juta saja, tetapi, masjid di sana benar-benar berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ummah.

“Aktiviti masjid di negeri kita ini tidak boleh lagi terbatas pada aktiviti solat fardhu Jumaat atau solat (fardhu) lima waktu sahaja, tetapi mesti (disertakan bersama dengan) aktiviti forum, wacana segala isu mengenai umat Islam.

“Universiti al-Azhar (asalnya)

merupakan sebuah masjid. Pada zaman Rasulullah s.a.w pun, masjid dijadikan pusat pendidikan dan kemasyarakatan. Maka, tidak salah jika urus tadbir masjid-masjid kita ke arah itu,” ujarnya di depan lebih 100 pemimpin masjid dari seluruh Pulau Pinang.

Mansor merupakan pengasas dan penaung YIPP.

Dalam pada itu, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim turut berucap pada majlis yang berlangsung di Kompleks Tabung Haji, di sini.

Turut hadir, Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Datuk Hassan Haji Ahmad dan Mohd. Anuar Abdul Hamid (Pengurus Besar YIPP), wakil Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) serta wakil Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ).

Kolokium itu berlangsung selama tiga hari dua malam bagi membina bakat kepemimpin masjid selain menyeragamkan sistem pengurus masjid di negeri berkenaan.



MANSOR Othman (tengah) bersama Abdul Malik Abul Kassim (kiri) dan SS Hassan Haji Ahmad pada sesi perasmian Multaqa Kepimpinan Masjid di Kompleks Tabung Haji di sini baru-baru ini.

Sumbangan palung jenazah selesai dilema karyah masjid

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

BUKIT MERTAJAM – Menyedari mengenai keperluan sebuah palung mandi jenazah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir telah mengambil langkah perlu dengan menyampaikan sumbangan peralatan tersebut kepada Jawatankuasa Surau Kampung Paya Dalam di sini baru-baru ini.

Wakil Jawatankuasa Kampung Paya Dalam, Zainul Shafie berkata, dengan palung yang disumbangkan, urusan mandi jenazah sehingga proses perseadian dapat dilakukan secara lancar.

“Malah, apa yang penting adalah kita tidak perlu lagi meminjam perkakas berwajib dari surau berdekatan,” ujarnya kepada Buletin Mutiara selepas menerima sumbangan berkenaan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, ADUN terbabit, Datuk Mohd. Salleh Man menyatakan bahawa sumbangan itu sekaligus menyelesaikan masalah utama penduduk di karyah tersebut sebelum ini.

“Sumbangan ini tidaklah besar. Setakat mana yang mampu, kita (Kerajaan Negeri) beri. Saya cuma ‘memulangkan kembali’ wang rakyat kepada rakyat,” nyata beliau.



MOHD. Salleh Man (tengah) berjabat tangan dengan Zainul Shafie (kiri sekali) selepas menyerahkan palung mandi jenazah kepada beliau di sini baru-baru ini.

Jalan Masjid Kapitan Keling kini rata

TEH Lai Heng (dua dari kanan) dan Chow Kon Yeow (kanan sekali) menunjukkan tanda bagus ekoran selesainya projek meratakan Jalan Kapitan Keling di sini baru-baru ini



Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Rata-rata pihak menarik nafas lega apabila batu *cobalt* di Jalan Pitt atau lebih dikenali sebagai Jalan Masjid Kapitan Keling yang sebelum ini mendatangkan banyak kesulitan kepada para pengguna telah selesai dikeluarkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

Lanjutnya, jalan sepanjang 800 meter merangkumi Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Cina dan Kampung Kolam berkenaan juga telah siap ditar dan diratakan.

Ahli Majlis MPPP, Teh Lai Heng berkata, kelulusan permohonan bagi menaiktaraf jalan tersebut diluluskan dalam

Majlis Mesyuarat Penuh MPPP setelah cadangan dikemukakan tahun lalu. Pada masa sama, bincian bagi mendapatkan maklum balas menyeluruh daripada masyarakat setempat turut dijalankan dengan keputusan bahawa 86 peratus bersetuju untuk menukar keadaan jalan sedia ada kepada bertar.

“MPPP memperuntukkan sebanyak RM251,490 bagi mengeluarkan batu *cobalt* ini dan ia akan diguna semula di tempat parkir Taman Perbandaran Pulau Pinang,” katanya pada sesi sidang media di sini baru-baru ini.

Permukaan Jalan Kapitan Keling sebelum ini yang dibina menggunakan batu *cobalt* pada tahun 2006 merupakan sebahagian daripada projek

mencantikkan bazar di bawah projek *Penang Gold Bazaar* bernilai RM 6 juta oleh kerajaan terdahulu (Kerajaan Barisan Nasional).

Tambah Lai Heng, selain jalan baru yang bertar, lampu isyarat pejalan kaki turut akan diwujudkan bagi keselamatan pengguna.

“Justeru, diharap kerjasama daripada pengguna jalan raya agar mengurangkan kelajuan kenderaan di kawasan tersebut seperti yang ditetapkan 50 jam/kilometer dapat diikuti,”



BATU cobalt di Jalan Kapitan Keling telah menimbulkan pelbagai kesulitan kepada para pengguna sebelum ini.

ujar beliau.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow,

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik dan wakil Persatuan Penduduk dan Peniaga Jalan Kapitan Keling.

Kerajaan Negeri tekad bantu pusat kemahiran OKU

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

AIR ITAM – Seramai 46 pelatih golongan kelainan upaya (OKU) kini dalam dilema apabila pusat kemahiran yang menjadi tempat mereka mencari rezeki, Pusat Joblink : Persatuan Untuk Membantu OKU yang terletak di Jalan Grove di sini menghadapi risiko ditutup.

Ini adalah kerana, menurut Presidennya, Dr. Gurdev Singh Gill, tanah yang diduduki kini akan diambil alih semula oleh Pusat Kanak-kanak Kurang Upaya (*'Handicapped Children's Centre'*).

Justeru, sekiranya pihak pentadbiran tidak menemui lokasi bersesuaian untuk operasi dalam tempoh akan datang, maka, para pelatih terpaksa pulang ke rumah,” katanya sambil menjelaskan masalah dihadapinya kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa,

Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai pada lawatan beliau di sini baru-baru ini.

Lanjutnya, Hon Wai yang prihatin dengan masalah tersebut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan usahakan sesuatu bagi kebaikan pusat berkenaan.

“Pusat ini merupakan tempat terbaik buat OKU bukan sahaja untuk memperoleh duit poket tetapi juga bagi mendapatkan kenalan baru dan belajar menggunakan kemahiran-kemahiran berfaedah,” ujar Hon Wai yang turut menyampaikan sumbangan kemeja-T kepada pelatih-pelatih di pusat tersebut.

Dalam pada itu, Ketua Pelatih, G. Palaniveloo berkata, pusat tersebut menerima pelatih dalam lingkungan usia 18 – 44 tahun yang mengalami pelbagai ketidakupayaan seperti kecacatan fizikal, sindrom down, palsi cerebrum, autistik dan terenctat akal.

“Pelatih-pelatih di pusat ini diberi kerja-kerja subkontrak oleh syarikat-



WONG Hon Wai (dua dari kiri) dan Dr. Gurdev Singh (kiri sekali) memerhatikan blok-blok memo yang disusun rapi oleh pelatih-pelatih Pusat Joblink : Persatuan Untuk Membantu OKU di sini baru-baru ini.

syarikat dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) seperti membersihkan paip PVC (*polyvinyl chloride*) dan menyusun blok-blok memo.

“Sejak ditubuhkan pada 1992, seramai 20 pelatih telah berjaya mendapatkan peluang pekerjaan dalam lapangan perhotelan dan perkilangan,” jelasnya.

Pulau Pinang tumpuan syarikat multinasional

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN –

Pengiktirafan *United Nation Industrial Development Organisation* bahawa Pulau Pinang antara satu daripada 10 destinasi terbaik bagi bidang industrial di dunia telah berjaya menjadikan negeri ini tumpuan syarikat multinasional seperti *AMD, Agilent, Dell, Intel* dan syarikat-syarikat besar lain untuk mewujudkan perkhidmatan mereka di sini.

Malah, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di dalam ucapannya menyatakan bahawa menerusi inisiatif syarikat-syarikat berkenaan, ia secara tidak langsung telah mewujudkan aktiviti sumber luar seperti kewangan, sumber manusia, pemprosesan, teknologi maklumat, data risikan, rekabentuk dan perkhidmatan

sumber luar.

Katanya, Kerajaan Negeri komited bagi menyampaikan nilai-nilai strategik tersebut di dalam pengurusan kewangan dengan mengamalkan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

“Dengan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri melaksanakan sistem kewangan strategik, ia telah menyebabkan Pulau Pinang mempunyai lebihan bajet setiap tahun sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mengambil alih tumpukan pemerintahan pada 2008.

“Malah, hutang kerajaan juga berjaya dikurangkan dari RM630.13 juta kepada RM29.66 juta pada penghujung tahun lalu, iaitu pengurangan tertinggi dicatatkan sebanyak 95%,” katanya pada Forum Transformasi Kewangan yang disertai 250 akauntan dari *The*

Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, selain itu, Pulau Pinang juga telah mara ke hadapan apabila mendahului dalam bidang pelaburan di Malaysia pada 2010 dan 2011 di mana (Pulau Pinang) telah menyumbangkan 28% atau RM17.7 juta *Foreign Direct Investment (FDI)* pada tahun 2010-2011 kepada negara.

“Kejayaan Pulau Pinang telah dapat dilihat apabila revolusi di bidang pembuatan dan perindustrian telah menransformasikan ekonomi Pulau Pinang pada hari ini.

“Diharap Pulau Pinang dapat berkembang di sektor pembuatan berdasarkan pengetahuan supaya menjadi sebuah bandar pintar bertaraf antarabangsa dan lokasi utama pilihan para pelabur,” ujarnya.



Penang CM's Office

BEBERAPA akauntan dari *The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* sedang asyik mendengar taklimat pada penganjuran Forum Transformasi Kewangan di sini baru-baru ini.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH?



Bayaran *Online* lebih mudah..!
<http://etanah.penang.gov.my>



ELAKKAN DIKENAKAN

DENDA LEWAT !

**BAYARAN AWAL ATAU
SEBELUM
31 MEI SETIAP TAHUN**

Sila Hubungi Pejabat Tanah & Daerah berdekatan untuk maklumat lanjut.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Dato' Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Sim Tze Tzin simtzelin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Dato' Tan Hock Leong hiltan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 2501 522 (F) 04 - 2501 523
BAGAN DALAM YB Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Ong Khan Lee jason_olk@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunam.dunsabakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Ng Wei Aik ngweiaik@penang.gov.my ; nweiaik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Dato' Hj. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkitengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Raveentharan a/l Subramaniam raveenkeadilan@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Dato' Haji Azhar Ibrahim	(T) 04 - 310 3100 (F) 04 - 323 8017
BERTAM YB Hajah Zabariah Wahab	(T) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Dato' Haji Roslan Saidin	
PERMATANG BERANGAN YB Haji Shabudin Yahya	(T) 04 - 573 4630 (F) 04 - 570 1997
SUNGAI DUA YB Dato' Haji Jasmin Mohamed	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Dato' Hjh. Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 3675 (F) 04 - 351 4389
SEBERANG JAYA YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah arif@arifshah.com	(T) 04 - 398 0185
SUNGAI ACHEH YB Dato' Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Syed Ameruddin Dato' Syed Ahmad	
PULAU BETONG YB Sr. Haji Muhamad Farid Saad	
TELUK BAHANG YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain albertami@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad hadiputra78@yahoo.com	(T) 019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab krisoft.engineer@yahoo.com	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pid_403@gmail.com	(T) 017 - 427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abiteghu@gmail.com	(T) 04 - 390 5109 013 - 489 3227
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hjwanday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuhismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hamid@gmail.com	(T) 016-400 6462

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-658 1122
BOMBA	994		04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PUSAT INFO PELANCONG	04-261 4461
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
NEGERI		FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WWC	04-228 0342		
EPF	04-397 1058	PERSATUAN PERUNDUNGAN	04-829 4046
SOCSCO	04-226 1000	KANAK-KANAK	
	04-238 9888	CAP	04-829 9511

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN

N1 Penaga : 019 - 470 4800	- Rosidi Hussain	N22 Tanjung Bungah : 012 - 232 6101	- Carol
N2 Bertam : 012 - 490 6546	- Abd Rashid	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Chiam Heng Hock
N3 Pinang Tunggal : 019 - 437 2887	- Muhasdey	N24 Kebun Bunga : 04 - 829 3691	- Nancy Lim
N4 Permatang Berangan : 019 - 510 2633	- Arshad Md. Salleh	N25 Pulau Tikus : 012 - 488 3227	- Joe
N5 Sungai Dua : 019 - 477 6740	- Md. Fahmi Abd. Wahab	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 017 - 427 1581	- Salehin Mohamed	N27 Pengkalan Kota : 012 - 437 1522	- Wang Lai Kin
N7 Sungai Puyu : 012 - 528 8411	- Ng Ya Ling	N28 KOMTAR : 012 - 412 6284	- Adreena
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 012 - 410 6566	- A. T. Ong
N9 Bagan Dalam : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 010 - 464 3308	- Anna
N10 Seberang Jaya : 013 - 489 3227	- Abdul Jalil Che Ros	N31 Batu Lancang : 012 - 480 3885	- Ooi Soo Chuan
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 012 - 486 2552	- Mr. Lingam
N12 Penanti : 04 - 522 1463	- Suhaimi Bin Mansor	N33 Air Itam : 012 - 493 3648	- Teh Choong Kong
N13 Berapit : 019 - 481 7823	- Ong Kee Seong	N34 Paya Terubong : 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N14 Machang Bubuk : 019 - 546 3257	- Rynu	N35 Batu Uban : 012 - 409 7507	- A. Francis Xavier
N15 Padang Lalang : 04 - 502 5071	- Ooi Zhen Chee	010 - 562 2004	- M. Sri Jaimuralydasan
N16 Perai : 012 - 339 3479	- Pn. Rajalethchumi	N36 Pantai Jerejak : 019 - 443 2088	- Victor
N17 Bukit Tengah : 016 - 469 5343	- Amizuddin	N37 Batu Maung : 013 - 510 1968	- Latifah
N18 Bukit Tambun : 016 - 442 0820	- Ong Eu Leong	N38 Bayan Lepas : 019 - 472 6956	- Asnah Bt Hashim
N19 Jawi : 017 - 408 4784	- Abdul Halim Yunus	N39 Pulau Betong : 019 - 570 9500	- Hj Md Tuah Ismail
N20 Sungai Bakap : 012 - 415 2905	- Munir Bin Makhtar	N40 Telok Bahang : 016 - 400 6462	- Halil Sabri
N21 Sungai Aceh : 012 - 473 5774	- Hj M. Kamil A. Bakar		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shtewo@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
Cik Tan Xin Ying (DAP)	016 - 553 1987
En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP)	012 - 571 2250
En. Guanalan a/l Sengalaney (DAP)	013 - 485 3128
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) bahktiarappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04 - 521 1987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019- 408 4899
En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
31 LORONG KERANJ 3, TAMAN KERANJ,	ALMA, 14000 BKT MERTAJAM, SPT.	798 PERMATANG TOK JAYA,	BAYAN LEPAS, 11950 PULAU PINANG
09000 KULIM, KEDAH.	LIM KOK KHENG - 511117075263	13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH	ALOYSIUS OOI YEOW CHIANG - 720607075339
HASSAN BIN ABDULLAH - 631114076179	28 LRG SRI KIJANG 42, TMN SRI KIJANG,	ZAHADI BIN HJ MOHD - 551207075319	362-D MUKIM 18, TANJONG TOKONG,
NO.212 LORONG 3, TAMAN KERANJ,	ALMA, 14000 BKT MERTAJAM, SPT.	810 PERMATANG TOK JAYA,	10470 PULAU PINANG
09000 KULIM, KEDAH.		13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH	
No Akaun Peminjam : 9631	No Akaun Peminjam : 9650	No Akaun Peminjam : 9650	
Penjamin 1 : LEE LAI WAN - 821115085568	NOORLIZAWATI BINTI JARLILL - 830206075650	NO.105 KAMPUNG GAJAH, TEPI LAUT, 12300 BUTTERWORTH.	
31C-02-03 TAMAN PEKAKA, LORONG PEKAKA SATU, 11700	31C-02-03 TAMAN PEKAKA, LORONG PEKAKA SATU, 11700	JARLILL BIN P.M SHAWAL HAMEED - 541117075359	
NO.51 TINGKAT BATU MAUNG, 11960 PULAU PINANG.	LIM EWE LENG - 591002075434	105 KAMPUNG GAJAH, TEPI LAUT, 12300 BUTTERWORTH,	
Penjamin 2 : SAIPOL RIZAL BIN SULAIMAN - 760923105997	NO.51 TINGKAT BATU MAUNG, 11960 PULAU PINANG.	SEBERANG PERAI UTARA.	
NO.11 JALAN CLOVE HALL, PULAU PINANG,	10050 GEORGETOWN	NORMALA ASMA BINTI SAID - 770301025086	
		KM 6 JALAN DATUK KUMBAR, 05300 ALOR SETAR, KEDAH.	

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Pulau Pinang sekali lagi menerajui takhta pelaburan dalam sektor pembuatan buat dua tahun berturut-turut.

Menurut sumber yang diperoleh dari laman sesawang *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed mengumumkan bahawa Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pelaburan bernilai RM9.1 bilion iaitu 16% daripada keseluruhan jumlah pelaburan negara bernilai RM56.1 bilion (bagi tahun 2011) dan sekali gus mengungguli pelaburan dalam sektor pembuatan buat tahun kedua berturut-turut.

“Tahniah kepada 1.6 juta rakyat Pulau Pinang yang berhak mendapat penghargaan atas pencapaian yang bersejarah ini”.

“Ini merupakan satu pencapaian yang menakjubkan dan luar biasa bagi negeri kedua terkecil di Malaysia yang tidak mempunyai mana-mana sumber asli,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan medianya sebagai maklum balas berhubung pengumuman tersebut di sini baru-baru ini.

Jumlah pelaburan tersebut katanya adalah melepas sasaran awal iaitu RM6.1 bilion.

“Malah, jumlah pelaburan asing secara langsung (*Foreign Direct Investments* – FDIs) yang dicatatkan Pulau Pinang sebanyak RM7.1 bilion iaitu 78% jumlah FDIs Malaysia juga merupakan jumlah tertinggi dicatatkan berbanding negeri-negeri lain dalam negara. Hal ini sekaligus membuktikan Pulau Pinang menjadi destinasi pilihan para pelabur asing,” jelasnya lagi.

Guan Eng memberitahu, Jepun (46%), Amerika Syarikat (23%), Belanda (13%), Kanada (6%) dan Singapura (4%) adalah

Pulau Pinang jaguh pelaburan dua tahun berturut-turut

APPROVED MANUFACTURING PROJECTS BY STATE, 2011 AND 2010

State	2011						2010					
	New		Expansion/Diversification		Total		New		Expansion/Diversification		Total	
	Number	Total Capital Investment (RM million)	Number	Total Capital Investment (RM million)	Number	Total Capital Investment (RM million)	Number	Total Capital Investment (RM million)	Number	Total Capital Investment (RM million)	Number	Total Capital Investment (RM million)
Penang	61	4,487.2	48	4,618.8	109	9,106.0	64	2,846.0	64	9,392.0	128	12,238.0
Selangor	171	4,383.8	92	4,357.4	263	8,741.1	207	4,354.9	118	6,286.9	325	10,641.8
Sarawak	29	8,172.0	14	281.3	43	8,453.4	26	3,488.8	17	456.3	43	3,945.0
Johor	104	2,854.9	84	3,729.7	188	6,584.6	94	5,559.5	78	1,905.5	172	7,464.9
Kedah	23	4,696.1	19	1,439.9	42	6,136.0	28	291.7	21	1,668.9	49	1,960.6
Negeri Sembilan	24	4,610.8	14	1,294.6	38	5,905.4	17	593.5	18	699.1	35	1,292.6
Melaka	22	639.9	17	3,723.9	39	4,363.7	16	885.6	21	745.5	37	1,631.1
Pahang	11	1,220.8	14	1,817.2	25	3,038.0	7	979.9	6	58.8	13	1,038.7
Terengganu	7	57.0	8	1,335.7	15	1,392.7	7	662.9	2	1,665.0	9	2,327.9
Perak	20	843.3	10	141.6	30	984.9	33	2,764.4	16	275.3	49	3,039.7
Sabah	20	845.8	7	75.6	27	921.4	29	1,227.2	10	98.4	39	1,325.6
Kuala Lumpur	15	174.7	4	133.0	19	307.6	4	55.0	-	-	4	55.0
Kelantan	1	80.0	4	48.6	5	128.6	3	139.0	2	30.6	5	169.6
Perlis	3	23.3	-	-	3	23.3	1	31.4	-	-	1	31.4
Labuan	-	-	-	-	-	-	1	14.9	-	-	1	14.9
TOTAL	511	33,089.5	335	22,997.3	846	56,086.8	537	23,894.7	373	23,282.3	910	47,177.0

Sumber: MIDA

antara negara penyumbang FDIs tertinggi di Malaysia.

“Mengikut pembahagian industri, industri elektrik dan elektronik menyumbang 80% jumlah pelaburan, manakala industri berasaskan semikonduktor dan industri kelengkapan pengangutan masing-masing menyumbang 8% dan 6% hasil pelaburan

negara,” kata beliau.

Dalam pada itu, beliau turut merujuk laporan MIDA bahawa Pulau Pinang berada di belakang Sarawak bagi jumlah pelaburan diluluskan oleh negeri pada 2011 iaitu RM14.038 bilion berbanding Sarawak RM14.351 yang menerima rangsangan daripada pengeluaran minyak dan gas.

“Walaupun tidak mempunyai pelaburan dalam sektor utama, Pulau Pinang hanya kehilangan RM300 juta kepada Sarawak,” ujar beliau yang berharap bahawa perkembangan perkhidmatan lebih 50% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan berlaku di Pulau Pinang menjelang 2020.

Delegasi New Zealand intai kerjasama dua negara

GEORGE TOWN – Negara Kiwi, New Zealand cuba mengintai peluang kerjasama pada aspek pasaran, pelancongan dan pendidikan dengan negeri Pulau Pinang dalam tempoh masa terdekat.

Hasrat tersebut disuarakan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif *Glidepath Group Ltd.*, Sir Kenneth Stevens, dalam rangka lawatan Delegasi Perdagangan New Zealand ke Malaysia dan Brunei ke Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, matlamat delegasi yang disertai 15 wakil Pejabat Pesuruhjaya Tinggi New Zealand adalah untuk mengenali dengan lebih mendalam peluang-peluang pasaran yang ada di Malaysia.

“Malah, delegasi kami juga terdiri daripada wakil-wakil suku kaum di New Zealand yang turut mencari peluang pasaran serta mempromosi budaya masing-masing”, ujar Sir Kenneth Stevens ketika lawatan rasmi ke Pejabat Ketua Menteri di sini.

Pada masa sama, Pengurus Besar Pembangunan Pendidikan dan Perkembangan Psikologi New Zealand, Chris Sullivan mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri atas layanan mesra yang diberikan, malah, beliau turut memuji keenakkannya makanan di Pulau Pinang.

“Sememangnya makanan di Pulau Pinang adalah yang terbaik seperti apa yang diperkatakan Ketua Menteri,”

ujar beliau.

Dalam pada itu, Ketua Menteri yang mengalui kehadiran delegasi tersebut ke Pulau Pinang menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama yang lebih erat terutamanya dalam bidang pendidikan dan pelancongan.

“Dalam usaha Pulau Pinang mengembangkan dan melahirkan tenaga kerja mahir dan modal insan, pendidikan dilihat sebagai medium yang sangat penting.

“Oleh itu, Pulau Pinang berharap dapat berkerjasama bukan sahaja dalam bidang pendidikan, malah, usaha-usaha untuk melahirkan tenaga kerja mahir serta modal insan yang berdaya saing,” ujar Guan Eng dalam sidang media khas bersempena lawatan rasmi berkenaan.



KETUA Menteri (tengah) bersama Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy (kanan sekali) berbincang sesuatu bersama Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, David Pine (kiri sekali) sempena Lawatan Delegasi Perdagangan New Zealand ke sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia, David Pine; Pengurus *Tiroa E* dan *Te Hape B Trusts*, Hardie Peni; Pengurus Pelancongan Maori New Zealand, Glen Katu; Pengarah Urusan *Kiwi Fresh (NZ) Limited*, Trevor Elia; Pengarah *Story Inc. Ltd.*, Steve La Hood dan beberapa perwakilan lain dari pelbagai latar belakang termasuk perdagangan, perindustrian, pendidikan, pertanian, media dan publisiti serta pelancongan.

TINTA PENGARANG

Kecoh UMNO bagai drama sinetron

KEKECOHAN UMNO di Pulau Pinang bukanlah sesuatu yang memerlukan rakyat negeri ini dan juga barisan pemimpin Pakatan Rakyat (PR) pimpinan Lim Guan Eng. Malah, akan lebih memerlukan jika puak UMNO ini berdiam diri tanpa sebarang mainan fitnah serta politik kotor amalan kebanyakannya pemimpinnya.

Kontroversi tanah Bayan Mutiara timbul selepas Kerajaan Negeri dilaporkan menjual tanah seluas 41.5 hektar itu kepada sebuah syarikat pemaju dengan harga RM1.07 bilion oleh media kongkongan UMNO. Tidak seinci pun Kerajaan Negeri diberi peluang dan ruang membuat penjelasan. Namun, begitu kontroversi ini dilihat bagai buih ombak memukul

pantai.

Buih yang hilang begitu sahaja. Fitrahnya yang sentiasa memukul pantai amat sinonim jika dibandingkan dengan UMNO negeri ini. Kecoh kejap lepas tu hilang. Kemudian datang lagi.

Selepas kontroversi ini tak makan, timbul pula isu tapak masjid di kawasan tanah Bayan Mutiara. Habis semua disondol puak UMNO. Letih pula Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk hadap puak UMNO yang kemaruk kuasa di negeri ini.

Jelas lagi nyata UMNO memang suka timbulkan kekecoh dan fitnah terhadap kerajaan PR. Sifulan UMNO terbabit ini dulu mengaku bukan UMNO, tapi kini lain pula jadinya. Bersuara atas kepentingan Melayu konon walaupun diri

sebenarnya Melayu celup kopi. Melayu mana yang lantik dia untuk bersuara. Pelik kerana lebih sudu daripada kuah. Nak sebut nama pun rasa jijik, maka, biarkanlah beliau terus melalak di negeri ini. Bagaikan mencurah air ke daun keladi sahaja usaha UMNO dan sekutunya.

Rakyat Pulau Pinang kini bukan bodoh lagi selepas disekolahkan oleh PR. Kelima-lima pancaindera setiap rakyat kini bagaikan mendapat nafas baru dan lebih jelas daripada biasa.

Mana tidaknya, Kerajaan PR lebih telus serta menghargai bukan sahaja pengundi, malah, setiap kelahiran bayi di negeri Pulau Pinang idaman langau-langau UMNO pada PRU13 akan datang. Mungkin dalam mimpi UMNO

akan tawan kembali Pulau Pinang. Terang lagi bersuluh keputusan PRU13 di negeri ini sudah boleh dijangka jika modus operandi UMNO masih ditahap keanak-anakan.

Kegemilangan mengaburkan mata rakyat negeri ini sudah berlalu, kini, telah tiba kuasa sebenar yang kembali mencelikkan mata rakyat.

Tidak sabar rasanya untuk melihat telatah dan karenah seterusnya di bumi Pulau Mutiara oleh UMNO dan media sangkulnya. Ibarat menanti episod drama sinetron Indonesia pula. Walau apapun, teruskan berusaha wahai luncai-luncai UMNO bersama labu busuk masing-masing.

Putera Pulau



CHOW Kon Yeow (kanan sekali), Patahiyah Ismail (tengah, berseluar kuning) dan Teh Yee Cheu (kiri sekali) menyiram pokok yang baru selesai ditanam bersempena program gotong-royong yang diadakan di Pantai Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Gotong-royong Coastal Park jalin silaturahim

DEMI ALAM... Program gotong-royong yang diadakan di Pantai Tanjung Bungah (bersebelahan Hotel Copthorne Orkid) bersempena dengan kempen ‘Cleaner Greener Penang’ baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai bangsa dan lapisan masyarakat.

Program anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah bagi meningkatkan kesedaran kepada penduduk Pulau Pinang bahawa betapa pentingnya menjaga kebersihan pantai yang menjadi salah satu tarikan utama di negeri ini.

Bersempena itu, aktiviti senamrobik telah diadakan bagi memeriahkan majlis diadakan.

Yang DiPertua (YDP) MPPP, Ar. Patahiyah Ismail, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu juga tidak melepaskan peluang untuk turun padang bagi menjayakan program berkaitan.

Antara pihak lain yang turut terlibat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), MPPP, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Gajah, Persatuan Penduduk Tanjung Bungah, Perhotelan Pulau Pinang, Sekolah Dalat serta Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang.



PENGURUS Besar Penang Green Council, Thing Siew Shuen (kanan sekali) bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan Pengurus Pembangunan Perniagaan Ezi Baucer, Cindy Teh (kiri sekali) sambil diperhatikan Ng Wei Aik (tengah) di sini baru-baru ini.

Ezi Baucer rakan strategik Program Warga Hijau

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Individu-individu yang mendaftar dalam Program Warga Hijau bakal menikmati faedah promosi dan diskon daripada peniaga-peniaga yang mengambil bahagian dalam program yang telah dirasmikan sejak 2010 di sini melalui Ezi Baucer.

Malah, senarai lengkap premis-premis terbabit boleh diperoleh di laman sesawang Penang Green Council (PGC), <http://greenstate.penang.gov.my/greencitizen/>.

Pengerusi Jawatankuasa Program Warga Hijau, Ng Wei Aik berkata, Program Warga Hijau berkonsepkan ‘Cleaner, Greener Penang’ telah diperkenalkan bagi memelihara kehijauan bumi serta menyuntik semangat masyarakat setempat agar mengamalkan sekurang-kurangnya satu inisiatif hijau.

“Melalui program ini, Ezi Baucer yang membolehkan para

ahli memperoleh diskon khas turut diperkenalkan sebagai rakan strategik bagi menggalakkan lagi penyertaan awam sama ada dari pihak individu mahupun kelompok perniagaan agar sama-sama melibatkan diri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang hijau,” katanya pada sidang media selepas majlis bertukar-tukar dokumen perjanjian di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, sehingga kini, kira-kira 2,000 orang awam telah berikrar akan menyertai program berkenaan dan sekaligus membolehkan mereka menikmati faedah tersebut.

Dalam pada itu, Wei Aik memberitahu, para peniaga juga turut dialu-alukan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam program terbabit yang mana membolehkan mereka (premis) menjadi sebahagian daripada pengangur bersama untuk acara-acara anjuran PGC dari semasa ke semasa.

Malakoff 5 tarik peserta tiga kali ganda



PARA pemenang bergambar kenang-kenangan dengan Lydia Ong Kok Fooi dan barisan pengurusan Larian Malakoff Ke-5.



LYDIA Ong Kok Fooi (dua dari kanan) menyempurnakan upacara flag-off Larian Malakoff Ke-5 di sini baru-baru ini.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Baucer barang bernilai RM20,000 menjadi taruhan bersempena pengurusan Larian Penang 2012 atau lebih dikenali sebagai Larian Malakoff Ke-5 bertempat di Padang Kota Lama, baru-baru ini di sini.

Pengerusi Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi yang hadir bagi upacara flag-off berkata, ekoran tawaran hadiah lebih menarik tahun ini, beliau amat terharu dengan sambutan tiga kali ganda yang diberikan pada tahun ini.

“Larian Malakoff pada tahun ini amat memberangsangkan apabila menerima hampir 1,300 penyertaan daripada peserta setempat dan antarabangsa.

“Ianya selaras dengan gaya hidup sihat, aktif dan masyarakat harmoni yang diuar-uarkan Kerajaan Negeri. Saya amat berbesar hati apabila melihat para peserta penuh semangat dan juga keakraban atlit-atlit berlumba bersama keluarga serta rakan-rakan turut terjalin erat,” katanya di sini baru-baru ini.

Tambahnya, Larian Malakoff adalah contoh terbaik buat agensi-agensi luar untuk bekerjasama bagi menganjurkan program-program yang memanfaatkan kesihatan.

“Sokongan seperti inilah yang kita (Kerajaan Negeri) inginkan daripada pihak luar agar sama-sama berganding bahu menganjurkan program serta aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat,” ujarnya lagi.

Jarak perlumbaan pada tahun ini telah dikurangkan dari 26 kilometer kepada 17 kilometer dan 7 kilometer.

Dalam pada itu, bagi Ketua Hal Ehwal Korporat dan Perhubungan Luar Larian Malakoff, Yusoff Rashid berkata, acara tersebut adalah sebagai salah satu platform pengurusan program tanggungjawab sosial pihaknya kepada masyarakat di sini.

Jointly Organised By
Lions Club of Penang Metropolitan District 306 82
Leo Club of Penang Metropolitan (Omega) District 306 82

Endorsed By
Supported By

Gold Sponsor
Official Sponsors
LEVEL JET TOUGH SUNWAY RETAIL

Official Registration Venue
Sunway Carnival Mall Jalan Burmah 104-228 2148 Raja Uda 04-331 9149

Larian Amal
Kampung
charity
FUN Run 2012

KAMPUNG BARU BERAPIT, BUKIT MERTAJAM
7am on Sunday 29 April 2012

Lucky Draw
iPad 2 & more....

Kim (012-4866828) / Janet (016-4770551)
www.facebook.com/pmoleoclub Email: pmoleoclub@gmail.com

Laksa beras Kg. Petani sesuai untuk ibu dalam pantang

Oleh: YAP LEE YING

Gambar: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

BEZANYA laksa beras dengan laksa biasa adalah ia produk asli tanpa bahan pengawet dan tawas. Rupa bentuknya juga tidak sama dengan laksa biasa yang kelihatan licin, berkilat, lembik dan tidak pejal.

Walaupun tempoh ketahanan laksa beras tidak lama seperti laksa biasa iaitu hanya dua hari (sekiranya dicuci bersih dan dimasak elok), namun, rasanya adalah amat sedap seperti nasi. Apa yang lebih menarik adalah, laksa beras juga sesuai dimakan oleh ibu-ibu yang dalam pantang.

Bagi menyingkap dengan lebih lanjut pembuatan laksa beras, Buletin Mutiara (BM) telah berkunjung ke kediaman Indon Mohamad, 55, atau lebih mesra dengan panggilan Kak Indon yang merupakan pembekal utama (laksa beras) di Kampung Petani, Permatang Pasir, Seberang Perai Tengah (SPT).

Ketika BM tiba di perkarangan rumah Kak Indon, beliau tengah sibuk menguruskan premis laksa milik keluarga yang terletak kira-kira 50 meter dari rumahnya. Tanpa berlengah, Kak Indon kemudian membawa kami ke bahagian belakang kediamannya yang menjadi lokasi memproses laksa beras sejak 35 tahun lalu.

"Setiap hari, saya akan bangun seawal 4.30 pagi untuk membuat laksa. Dalam tempoh satu jam, sebanyak 20 kilogram laksa dapat dihasilkan dan proses tersebut berlarutan sehingga jam 9 pagi bagi memenuhi permintaan bekalan harian oleh peniaga-peniaga tempatan.

"Sebelum ini, memang akak buat seorang, tapi, kini, akak ada seorang pembantu yang tololng buat semua. Akak pantau je dan lebih fokus pada perniagaan di restoran," katanya sambil menjelaskan bahawa bahan asas yang digunakan dalam pembuatan laksa beras adalah tepung beras, air kanji dan tepung ubi.

Selain laksa, Kak Indon juga merupakan



LAKSA beras Kampung Petani.

WAKTU OPERASI

Perniagaan Laksa Beras Kampung Petani :

Waktu perniagaan : 9.30 pagi -- 4 petang

Tutup : Jumaat

Tempahan : 04 - 521 1127 / 019 - 521 3452



INDON Mohamad.



ANAK Indon Mohamad dan isteri banyak membantu meringankan beban beliau di restoran laksa miliknya.



PENGUNJUNG Restoran Laksa Beras Kampung Petani adalah terdiri daripada pelbagai bangsa.


meneruskan perniagaan laksa hingga kini.

Pada peringkat permulaan bermula iaitu sekitar tahun 70-an, arwah bapa Kak Indon membuat laksa menggunakan kaedah tradisional dan manual. Malah, laksa yang telah disiap diproses dijaja menggunakan motosikal di sekitar pekan berhampiran. Selain itu, ia juga dijual di pasar malam tempatan sebelum mereka mampu membuka warung laksa sendiri.

"Ketika mula-mula bermula, satu mangkuk laksa dijual pada harga 70 sen.

Selepas ayah meninggal, adik telah mengambil alih perniagaan sehingga kini, manakala saya membuka kedai laksa sendiri pada tahun 2000," ujar beliau.

Seperti peniaga lain, harapan Kak Indon adalah untuk memperluaskan pasaran perniagaan dan memiliki perkhidmatan penghantaran bekalan laksa ke lokasi-lokasi mengikut permintaan para pelanggan. Pada masa sama, beliau juga ingin mendapatkan lokasi atau bangunan khas untuk memproses laksa keluarannya.



HIDANGAN istimewa laksa beras berserta kuah.

Komited realisasi misi Pulau Pinang sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa – Akbar

DI sebalik merealisasikan hasrat dan misi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa yang menerajui bukan sahaja sektor industri tetapi dari aspek pelancongan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melalui Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa memainkan peranan penting untuk memastikan segala perancangan serta gerak kerja dilaksanakan dengan jitu ke arah mencapai tahap global berkenaan.

Ikuti temubual wartawan Buletin Mutiara (BM), NORSHAHIDA YUSOFF dan MOHAMAD SHAWAL AHMED serta jurugambar, ALLISSALA THIAN bersama Pengarah Jabatan Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha di pejabatnya di Stadium Bandaraya Pulau Pinang, di sini baru-baru ini.

BM : Boleh Encik ceritakan serba sedikit latar belakang dan pembabitan dalam bidang ini?

MOHAMED AKBAR (AKBAR) : Saya mula berkhidmat di MPPP pada tahun 1993 sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Jabatan Keindahan dan Rekreasi untuk membangunkan taman-taman awam dan rekreasi khususnya Taman Belia. Taman ini yang dahulunya kurang aktif dan ceria, kini, menjadi sebuah taman yang terbaik di Malaysia di mana Jabatan Lanskap Negara menilai Taman Belia sebagai sebuah taman rekreasi yang lengkap dengan prasarana untuk semua lapisan masyarakat. Idea yang dicetuskan oleh Tun Dr. Lim Chong Eu pada masa itu menjadi realiti di mana

berbagai program bagi melahirkan belia-belia yang aktif dan mencintai alam sekitar telah tercapai. Pada tahun 2001, saya telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah (Keindahan dan Rekreasi) yang mana kemudiannya saya ‘dipinjamkan’ untuk bertugas dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010-2011. Sekembalinya saya bersama MPPP pada tahun 2011, saya telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Khidmat Kemasyarakatan dan kemudian, Pengarah berkuatkuasa Julai 2011.

BM : Bagaimanakah Encik Akbar melihat tahap realiti rekreasi dan pelancongan di negeri ini?

AKBAR : Seperti yang kita ketahui, Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang paling aktif dari segi sukan massa, rekreasi dan sukan pelancongan. Jika dilihat dari segi program-program yang telah disusun sepanjang tahun sama ada dari pihak Pejabat Exco Belia dan Sukan, MPPP dan kelab-kelab sukan dan rekreasi di Pulau Pinang, ianya adalah sangat menyeluruh dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari warga Pulau Pinang dan juga para peserta luar negara.

MPPP bukan sahaja bertanggungjawab menyokong program yang dianjurkan oleh Pejabat Exco, malahan, program-program komuniti seperti “*Cleaner, Greener Penang*” juga dianjurkan setiap minggu sepanjang tahun bersama-sama dengan Ahli Majlis MPPP. Yang terkini, pihak MPPP sedang menyusun dan merangka strategi di bawah program Majlis Perunding Komuniti (MPK) melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Majlis, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan juga pihak swasta untuk berganding bahu bagi menjayakan misi ini.

Bagi sektor pelancongan, MPPP merupakan antara empat pihak berkuasa



MOHAMED Akbar Mustapha menunjukkan trofi Silver Starlight Award yang dimenangi MPPP pada tahun lepas.

tempatan di Malaysia yang telah dipilih oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan pada 2002 sebagai ahli *Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities* (TPO) untuk membantu memajukan sektor industri pelancongan. Dengan ini, beberapa inisiatif telah dilakukan antaranya mengadakan jalinan *friendship city* bersama bandar Taipei, Kaoshiung dan yang terkini bersama bandar Bangkok. Manakala, bagi *sister city*, MPPP telah lama menandatangani memorandum persefahaman bersama bandar Medan, Indonesia, bandar Adelaide, Australia dan bandar Xiamen, China.

Selain itu, MPPP telah mewujudkan sebuah Taman Persahabatan (*Friendship Park*) di hadapan Hotel City Bayview, Lebuh Farquhar untuk ditanam pokok *Bucida Varigated* oleh Datuk Bandar (*Mayor*) yang berkunjung ke Pulau Pinang. Pada tahun ini, adalah dianggarkan seramai 68 Datuk Bandar TPO akan berada di sini bagi menghadiri ‘5th TPO Forum 2012’ yang akan diadakan pada 5-7 September 2012.

BM : Bolehkan Encik senaraikan anugerah yang berjaya dirangkul oleh jabatan ini sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa?

AKBAR : Yang paling membanggakan

adalah apabila MPPP berjaya merangkul anugerah tiga tahun berturut-turut di peringkat antarabangsa melalui *TPO Forum* dan *TPO General Assembly* yang diadakan iaitu *Best Tourism Brochure Award* (2011), *Best Print Advertisement Award* (2009 dan 2010) bersama Exco Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, di peringkat kebangsaan, MPPP berjaya merangkul *Silver Starlight Award* di Floria Putrajaya 2011.

BM : Bagi mengakhiri wawancara kita kali ini, apakah harapan Encik yang mungkin boleh dikongsi bersama para pembaca Buletin Mutiara?

AKBAR : Adalah menjadi harapan MPPP untuk menjadikan George Town sebagai sebuah bandar bertaraf antarabangsa baik dari segi sukan, rekreasi, pelancongan dan juga keindahan. Dengan wujudnya lebih banyak taman-taman mini, taman kejiranan dan taman-taman poket di dalam bandar, Pulau Pinang juga akan menjadi sebuah ‘bandar dalam taman’ dalam masa terdekat. MPPP juga akan mewartakan semua pokok-pokok warisan di seluruh Pulau Pinang dibawah program *Tree Preservation Order* (TPO) dalam masa terdekat. Usaha-usaha ini akan meletakkan George Town sebagai sebuah bandar bertaraf antarabangsa dan terunggul di dunia.



MOHAMED Akbar Mustapha.

Dari muka surat 1.

Anugerah 4 bintang MPPP, MPSP dirai

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dipilih antara 21 pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik di negara ini dengan menerima anugerah empat bintang daripada Kementerian Perumahan dan kerajaan pusat baru-baru ini.

Justeru, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas, Chow Kon Yeow mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang merakamkan penghargaan kepada semua

pihak berwajib atas kejayaan tersebut.

“Berbanding dengan negeri-negeri lain, Pulau Pinang hanya mempunyai dua PBT. Dengan anugerah empat bintang ini, ertiannya seluruh (rakyat) Pulau Pinang dapat empat bintang.

“Tahniah kepada semua pihak atas kejayaan ini,” ujarnya pada majlis sidang media di Dewan Bandaraya MPPP di sini baru-baru ini.

Sidang akhbar dan majlis keraian itu turut dihadiri Yang DiPertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail, Maimunah Mohd. Sharif (Yang DiPertua MPSP) serta ahli-ahli majlis bagi kedua-dua PBT

berkenaan.

Kon Yeow berkata, Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) mula diperkenalkan empat tahun lepas dan kedua-dua PBT Pulau Pinang hanya menerima tiga bintang bagi tahun 2008/2009.

Penilaian dwi tahunan itu adalah hasil cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri dengan melihat empat aspek utama iaitu pengurusan (30 markah), perkhidmatan teras (35 markah), pengurusan pelanggan (15 markah) serta pengertaan dan pandangan komuniti (20 markah).

Markah keseluruhan adalah 100 markah.

Dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang diadakan di Kuching, Sarawak pada 21 Mac lepas, MPPP diumumkan berada pada tangga ketujuh dengan 83.96 markah, manakala MPPP pada tangga ke-21 dengan 75.16 markah.

“Tidak ada mana-mana dewan atau majlis bandaraya atau majlis perbandaran atau majlis daerah yang menerima anugerah tertinggi (iaitu) lima bintang.

“MPPP dan MPPP merupakan antara 21 PBT yang menerima anugerah empat bintang,” ujarnya.

MPSP kerugian RM300 ribu ganti penutup parit dicuri

SEBERANG PERAI – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dianggarkan kerugian RM300,000 sepanjang tahun lalu bagi mengganti dan membaiki penutup parit yang sering menjadi sasaran pencuri di sekitar kawasan sini.

Terbaru, dua suspek telah dikesan bertindak sedemikian di Lorong Cempa, Butterworth di sini. Walaupun gagal memberkas dua suspek berkenaan, kejadian yang dilaporkan kepada Pasukan Peronda Sukarela (PPS) terbabit berjaya memperoleh kembali aset (penutup parit) yang cuba dilarikan.

Ahli Majlis MPSP, Soon Lip

Chee berkata, pihak MPSP sebelum ini telah meminta bantuan daripada Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela), PPS, Pasukan Bomba dan Penyelamat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu menangani masalah kecurian penutup parit yang berleluasa.

“Berkemungkinan kerana harga besi yang melambung tinggi ketika ini menyebabkan pencuri mengambil kesempatan mencuri dan menjual penutup longkang demi mengaut keuntungan.

“Oleh itu, MPSP menyeru supaya orang ramai lebih



SOON Lip Chee (kanan) dan seorang pegawai MPSP menunjukkan contoh penutup parit yang sering menjadi sasaran pencuri.

prihatin dan segera melaporkan kejadian berkenaan jika didapati orang-perseorangan atau

kumpulan mencurigakan berada di kawasan-kawasan berhampiran. Malah, adalah

digalakkan supaya merakam gambar sebagai bahan bukti bagi tindakan lanjut,” jelas Lip Chee.

Pulau Pinang & Bangkok bincang jadi *Friendly Cities*

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara pihak MPPP dan Bangkok Metropolitan Administration (BMA).

Menurut Yang diPertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail, MoU yang ditandatangani di Dewan Bandaraya Bangkok pada 5 April lalu adalah untuk mengeratkan hubungan diplomatik antara kedua-dua pihak.

“Perjanjian yang ditandatangani oleh saya (wakil MPPP) bersama Gabenor Bangkok, Mon Rajawangse

Sukhumbhand Paribatra bukan sahaja untuk mengeratkan hubungan Pulau Pinang di peringkat global, malah, juga bersetuju untuk mengadakan perbincangan dalam usaha menjadikan Pulau Pinang dan Bangkok sebagai salah sebuah *Friendly Cities*.

“Sungguhpun Pulau Pinang merupakan negeri kedua terkecil di Malaysia, namun, pencapaian Pulau Pinang dalam pelaburan telah berjaya menarik minat Bangkok untuk berkerjasama dalam pelbagai aspek termasuk pelancongan, pelaburan, pentadbiran, sains dan teknologi, pendidikan, kesenian dan kebudayaan, kesihatan serta sukan,” ujar beliau ketika sidang media bagi mengumumkan

perjanjian dimeterai tersebut di Bilik Perdana, di sini baru-baru ini.

MoU yang ditandatangani mempunyai tiga terma utama iaitu kerjasama bersepada dalam lapangan pelaburan dan pentadbiran, mempromosikan pelbagai aspek pembangunan yang mampu membawa faedah bersama bagi MPPP dan BMA serta meningkatkan proses rundingan, nasihat dan usahasama sesama penjawat awam dan wakil-wakil negeri dalam usaha menuju ke arah *Friendly Cities*.

Dalam pada itu, Majlis Menandatangani MoU turut mendapat liputan meluas *Bangkok Post* yang turut mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan unggul.

Hadir sama di Majlis Menandatangani MoU antara MPPP dan BMA ialah Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng;



AR. Patahiyah Ismail (kiri sekali) bertukar-tukar memorandum persefahaman dengan Mon Rajawangse Sukhumbhand (dua dari kanan) sambil disaksikan Thirachon Manomaipiboon (dua dari kiri), Ketua Menteri dan Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) di Bangkok baru-baru ini.

Timbalan Gabenor Bangkok, Thirachon Manomaipiboon; Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan perwakilan MPPP serta BMA.

Ingkar, struktur binaan tambahan dirobohkan

DATUK KERAMAT –

Bertindak di atas maklumat awam, beberapa struktur binaan tambahan yang tidak memperoleh kelulusan pelan daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah dirobohkan di sebuah pusat membeli-belah terkemuka di sini baru-baru ini.

Jurucakap MPPP berkata, sebelum mengambil tindakan sedemikian, pihak majlis telah mengeluarkan notis pertama pada 2 Disember 2011 di bawah Seksyen 79(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik premis.

“Memandangkan kehendak notis masih tidak dipatuhi, notis di bawah Seksyen 97 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 sekali lagi dikeluarkan bagi meminta supaya kerja pembinaan dihentikan serta-

merta dan pada masa sama memulihkan kawasan berkenaan kepada keadaan asal pada 13 Januari 2012.

“Bagaimanapun, pemilik berkenaan terus ingkar dengan meneruskan pembinaan sehingga mendorong kepada perobohan struktur terbabit.”

Seramai 20 anggota Unit Penguatkuasa MPPP terlibat dalam operasi berkenaan,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa struktur berkaca yang diturunkan adalah bersaiz 120.8 meter persegi. Tindakan penguatkuasaan amat sukar dilakukan kerana struktur kaca yang pelbagai saiz dan berat menyebabkan tindakan penguatkuasaan mengambil masa hampir 3 jam untuk selesai.



STRUKTUR berkaca yang dikeluarkan para anggota Unit Penguatkuasa MPPP di sebuah pusat membeli-belah terkemuka di sini baru-baru ini.

Salur maklumat pusat siber kasino terus kepada polis

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Dengan bidang kuasa terhad yang dapat dikuatkuasa terhadap pemilik siber kasino di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyarankan supaya maklumat berkenaan terus disalurkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ahli Majlis MPPP, Iszuree Ibrahim memberitahu, atas nasihat Penasihat Undang-Undang, MPPP hanya diberi kuasa mengambil tindakan ke atas siber kasino melalui kesalahan undang-undang kecil tred iaitu kesalahan berniaga tanpa lesen. Denda yang dikenakan adalah tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali.

“Ini bermakna, MPPP hanya berkuasa mengenakan kompaun terhadap pemilik terbabit manakala tindakan menyita dan merampas adalah di bawah PDRM,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Iszuree tidak menafikan bahawa operasi semasa yang dijalankan mendapat kerjasama penuh daripada PDRM.

Hasil operasi bersepadu sepanjang tempoh sebulan bermula November 2011, Iszuree melaporkan bahawa sebanyak lima siber kasino ditutup daripada jumlah keseluruhan 26 pusat kasino di zon utara dan zon selatan (69).



ISZUREE Ibrahim.

Pemaju wajib tanam pokok teduhan

Oleh: ZULIANA AZIZ

SEBERANG PERAI – Dalam menjayakan kempen Pulau Pinang Bersih Hijau, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku pihak berkuasa tempatan telah mensyaratkan para pemaju perumahan supaya menanam pokok teduhan di kawasan pembinaan masing-masing sebelum mendapatkan pelan kelulusan daripada pihak berkenaan di sini.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, sekiranya didapati pemaju gagal memenuhi syarat ditetapkan dan didapati pokok yang ditanam adalah tidak sesuai, maka, MPSP berhak untuk menangguhkan atau tidak

meluluskan sijil kedudukan (OC).

“Justeru, pemaju dinasihatkan agar menanam pokok bersesuaian dengan perumahan yang bakal didirikan sekaligus menepati kempen Pulau Pinang Bersih Hijau yang disarankan oleh Kerajaan Negeri,” ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, orang ramai juga diseru supaya memberikan kerjasama dan menyalurkan maklumat sekiranya terdapat pokok-pokok yang telah mati dan ditebang.

“Ini adalah bagi memboleh dan memudahkan pihak MPSP menanam semula pokok-pokok baru di tempat-tempat berkenaan,” jelas beliau.

Jadual statistik penanaman pokok teduhan bagi tahun 2011 :

BULAN	MPSP	PIHAK PEMAJU
Januari		572
Februari		572
Mac		572
April		2322
Mei	48	2322
Jun	196	2322
Julai	723	3209
Ogos	8	3209
September	170	3209
Oktober	556	1081
November	349	1081
Disember	175	1081
JUMLAH KESELURUHAN	2225	7184



BEREGU yang mengungguli Kejohanan Badminton Muafakat Balik Pulau 2012 bergambar kenang-kenangan bersama Yusmadi Yusoff (lima dari kiri) dan Halil Sabri Hamid (kanan sekali).

Pertandingan Suara & Gaya Burung tarik 130 penyertaan

PULAU BETONG – Penganjuran julung kali Pertandingan Suara dan Gaya Burung berjaya mendekati dan menghimpunkan para penggemar burung dari seluruh kawasan Parlimen Balik Pulau terutama penduduk sekitar Pulau Betong di sini baru-baru ini.

Sungguhpun burung-burung yang dipertandingkan iaitu daripada spesis Merbah Jambul ('whiskered bulbul') dan Murai Batu ('white-rumped shama') memerlukan penjagaan khas dengan kos agak tinggi, ia bagaimanapun tidak menjadi batu penghalang kepada 130 penggemar di sini untuk berentap berebut gelaran juara.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, daripada 130 penyertaan yang

diterima, sebanyak 88 adalah untuk burung Merbah Jambul dan Murai Batu (46).

"Inilah keunikan yang harus kitakekalkan, semangat dalam memastikan acara tradisi tiru bunyi, lagak dan gaya burung-burung hutan ini dikekalkan.

"InsyaAllah, kita akan jadikan ini sebagai acara tahunan yang bukan sahaja terbuka kepada masyarakat di Balik Pulau tapi juga seluruh Pulau Pinang," tambah Mohd. Tuah ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama ke pertandingan yang dianjurkan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Burung itu adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain.



MANSOR Othman (tiga dari kiri) dan Abdul Halim Hussain (kiri sekali) tertarik dengan kicauan burung Murai Batu salah seorang peserta pada Pertandingan Suara dan Gaya Burung di sini baru-baru ini.

Muafakat dipupuk melalui sukan badminton

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

TELUK BAHANG – Ternyata Kejohanan Badminton Muafakat Balik Pulau 2012 bukan hanya berjaya mengumpulkan para belia yang sememangnya bergiat aktif dalam sukan badminton, malah, turut memperoleh maklum balas positif penduduk sekitar Kompleks Pasar Awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Balik Pulau untuk turut serta dalam kejohanan tersebut di sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid, matlamat utama penganjuran tersebut bukan sahaja untuk mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat, malah, juga bagi menggilap bakat-bakat baharu yang berkebolehan dalam arena badminton.

Tambah beliau, melalui sukan, masyarakat yang mempunyai minat sama akan berkumpul dan berinteraksi dan ini mampu memuafakatkan penduduk dalam

suasana harmonis. Malah, melalui sukan, tanpa kira latar belakang politik, pegangan dan kepercayaan, kita dapat bersatu hati menyokong pasukan yang menjadi *favourite* (kesukaan) masing-masing.

"Kejohanan ini bukan setakat ini sahaja, insyaAllah, kita akan anjurkan setiap tahun bagi menggalakkan masyarakat bersukan demi melahirkan generasi yang sihat dan cerdas," ujarnya pada penganjuran Kejohanan Badminton Muafakat Balik Pulau 2012 di sini baru-baru ini.

Kejohanan tersebut telah dirasmikan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain bersama Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff. Sebanyak 32 beregu telah menyertai kejohanan yang julung kali diadakan itu.

Pasukan beregu Sungai Rusia yang muncul johan telah membawa pulang wang tunai RM500, manakala bagi naib johan (Kelab COMPA Badminton), RM300 dan tempat ketiga (Balik Pulau 'A'), RM200.



MAKTAR Shapee (kiri sekali) meninjau projek pembinaan sangkar batuan di tebing Sungai Duri, Sungai Bakap, SPS di sini baru-baru ini.

Projek tebatan banjir Sg. Duri siap

SIAP... Hasil usahasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Duri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, projek pembinaan sangkar batuan bagi mengelak kejadian banjir di tebing Sungai Duri, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (SPS) telah berjaya disiapkan.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada JPS kerana menyegerakan projek tersebut dan juga kepada JKKK Sungai Duri kerana memberikan kerjasama penuh berhubung pengimplementasi projek yang bakal memanfaatkan seluruh penduduk sekitar berkenaan.

Pelajar leukemia dapat perhatian ADUN

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

PERMATANG PASIR – Peka dengan nasib yang menimpa seorang pelajar pintar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir telah mengambil inisiatif mengadakan lawatan khas ke kediamannya di Taman Ara Indah di sini baru-baru ini.

Bersempena dengan itu, ADUN terbabit, Datuk Mohd. Salleh Man turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada pelajar, Nur Atirah Azmi, 19, yang bakal menjalani pembedahan sum-sum tulang

ekoran penyakit leukemia peringkat pertengahan yang baru dikesan baru-baru ini.

Sebelum itu, ibu Nur Atirah, Tariah Abd. Jalil, 50, menyatakan bahawa anak beliau sebelum ini hanya mengalami demam biasa sebelum disahkan oleh doktor mengidap leukimia.

“Kos pembedahan Nur Atirah adalah sebanyak RM4,000,” jelasnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Mohd. Salleh turut mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada warga emas kurang upaya, T Hawa Ibrahim, 80, dan Aminah Salleh, 82, di sini.



SEBAHAGIAN Jalan Besar Penaga yang telah diturap di sini baru-baru ini.

Masalah lubang, lopak selesai

PANTAS... Hasil tindakan pantas Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain, masalah jalan berlubang dan berlopak di kawasan sekitar Pekan Penaga dapat diselesaikan di sini baru-baru ini.

Menurut Rosidi, beliau menerima aduan tersebut pada awal bulan Mac dan pada minggu kedua bulan sama, kerja-kerja penurapan telah giat dilaksanakan Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) setelah ia diketengahkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Bersih dan Indah MPSP sebelum ini.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan terima kasih atas tindakan pantas MPSP dalam menyelesaikan masalah dan aduan rakyat demi kesejahteraan bersama.



TARIAH Abd. Jalil (dua dari kanan) mengucup anaknya sambil diperhatikan Mohd. Salleh Man di kediamannya di Taman Ara Indah di sini baru-baru ini.

Pesakit diabetes dapat perhatian PPK Telok Air Tawar



ZAITOL Zakariya (duduk) bersyukur dengan kerusi roda dan sumbangan keperluan dapur yang diterimanya daripada Salehin Mohamad (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

TELOK AIR TAWAR – Bagi seorang pengidap kencing manis yang telah kehilangan kaki kirinya, Zaitol Zakariya, 52, tiada apa yang lebih menggembirakannya apabila menerima sumbangan kerusi roda dan keperluan dapur daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut telah disampaikan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar, Salehin Mohamad.

Menurut suaminya, Abdul Latif Juman Shah, 59, isterinya mengidap diabetes (kencing manis)

sehingga menyebabkan kaki kirinya terpaksa dipotong.

“Memang sukar untuk dia (isteri) bergerak. Tapi alhamdulillah, sumbangan ni (kerusi roda) sedikit sebanyak mampu menyenangkan pergerakan beliau,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis penyerahan itu adalah Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bagan Ajam, Ismail Jemani.

RM100 setiap tahun



Warga Emas



OKU




Ibu Tunggal



Pelajar*

*Tahun 1&4,Tingkatan 1&4



“One-Off”



RM1,000
Urusan Jenazah



RM1,000
IPTA



RM200
Anak Emas



Pulau Pinang Bersih, Hijau & Selamat

